

---

**KENYATAAN MEDIA**  
*(Untuk Siaran Langsung)*

**CGC TIDAK PERNAH LANTIK PIHAK KETIGA UNTUK BANTU URUSAN  
PEMBIAYAAN PADA PKS**

**KELANA JAYA, 7 April 2020 –** Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) tidak pernah melantik mana-mana pihak ketiga untuk mewakili CGC dalam menawarkan produk dan perkhidmatan pembiayaan kepada Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS).

Selaras dengan ini, CGC ingin mengingatkan orang ramai supaya terus menghubungi pihak CGC jika terdapat pihak ketiga yang menyamar dan bertindak mewakili CGC dalam menawarkan produk dan perkhidmatannya.

Penyamaran mungkin dilakukan dalam pelbagai bentuk. Antaranya ialah melalui panggilan telefon oleh individu yang mendakwa bahawa mereka adalah wakil dari CGC. Selain itu, terdapat juga iklan di laman web tidak rasmi, atau platform media sosial yang direka khas untuk mengelirukan orang ramai.

Orang ramai terutamanya PKS yang mempunyai sebarang keraguan tentang identiti atau maklumat yang diberikan dalam bentuk panggilan, individu atau iklan, digalakkan untuk memaklumkannya kepada CGC. Sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan CGC melalui e-mel di [csc@cgc.com.my](mailto:csc@cgc.com.my) atau hubungi 03-7880 0088 untuk sebarang bantuan.

CGC mengingatkan semua agar lebih berhati-hati dan menyemak terlebih dahulu kesahihan maklumat serta perkhidmatan yang diterima bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa individu yang tidak bertanggungjawab, terutamanya ketika kegawatan seperti sekarang.

**-TAMAT-**



## MENGENAI CGC

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) telah ditubuhkan pada 5 Julai 1972. Ianya 78.65% dimiliki oleh Bank Negara Malaysia dan 21.35% oleh bank-bank komersial di Malaysia. CGC ditubuhkan untuk membantu PKS yang tidak mempunyai cagaran atau rekod yang tidak mencukupi untuk mendapatkan kemudahan kredit dari institusi kewangan dengan menyediakan perlindungan jaminan ke atas kemudahan tersebut. CGC telah memanfaatkan lebih daripada 470,000 jaminan dan pembiayaan kepada PKS bernilai lebih dari RM75 bilion sejak penubuhannya.

Di samping itu, CGC juga menyediakan perkhidmatan kredit dan perkhidmatan penarafan kredit melalui anak syarikatnya Credit Bureau Malaysia. Credit Bureau Malaysia membolehkan CGC membantu PKS membina sejarah kredit dan rekod prestasi untuk meningkatkan kredibiliti dan kebolehpercayaan mereka. Dengan ini, PKS akan dapat memperoleh pembiayaan berdasarkan merit mereka sendiri dan pada kos yang munasabah.

Pada Februari 2018, CGC memperkenalkan imSME, sebuah platform rujukan pembiayaan / pinjaman PKS atas talian yang pertama di Malaysia. Sejak penubuhannya sehingga Januari 2020, portal imSME telah menerima lebih daripada 1,253,000 kunjungan dan lebih daripada 15,000 PKS berdaftar.

MyKNP dilancarkan bersama Bank Negara Malaysia dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada 21 Ogos 2019. Di CGC, MyKNP yang membawa maksud Khidmat Nasihat Pembiayaan, membantu PKS dalam mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan. Platform ini bertujuan untuk memberi khidmat nasihat kepada PKS bagi membantu meningkatkan kelayakan mereka dalam mendapatkan pembiayaan dan pada masa yang sama, memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi permohonan pembiayaan PKS.

CGC juga menguruskan Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB-i). Sehingga kini, CGC menguruskan sejumlah 45 skim jaminan dan pembiayaan termasuk 16 skim yang disokong kerajaan. Pada masa ini, dua belas (12) Bank Perdagangan, tiga belas (13) Bank Islam, dan lima (5) Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) mengambil bahagian dalam skim jaminan CGC dalam menyediakan pembiayaan kepada pelanggan menerusi rangkaian lebih daripada 2,600 cawangan di seluruh negara. PKS yang berminat untuk mendapatkan lebih banyak maklumat digalakkan untuk menghubungi Pusat Perkhidmatan CGC di talian 03-7880-0088, emel [csc@cgc.com.my](mailto:csc@cgc.com.my) atau layari [www.cgc.com.my](http://www.cgc.com.my) | [www.imsme.com.my](http://www.imsme.com.my) | FB: @CGCmy | Instagram: cgcmalaysia

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Jabatan Komunikasi Korporat kami:

Mohana Arumugam  
Naib Presiden, Komunikasi Korporat  
Tel: +6017-237-6366  
[mohana.arumugam@cgc.com.my](mailto:mohana.arumugam@cgc.com.my)

Patricia Liew  
Pengurus, Komunikasi Korporat  
Tel: +6012-286-9085  
[patricia.liew@cgc.com.my](mailto:patricia.liew@cgc.com.my)